

**PROMOSI GRAB DAN KAD KREDIT UOB**  
**TERMA & SYARAT**  
**KAD KREDIT ONE CARD DAN/ATAU YOLO UOB**

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809-K) (“UOBM”) sedang menjalankan “**PROMOSI GRAB DAN KAD KREDIT UOB**” (“Promosi”) dari **1 Mei 2019 hingga 31 Januari 2020** (termasuk kedua-dua tarikh) atau tarikh lain sedemikian yang mungkin ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa (“Tempoh Promosi”).

#### **Kelayakan Promosi**

1. Promosi ini dibuka kepada semua Ahli Kad ONE Card dan/atau Kad Kredit YOLO UOBM utama dan tambahan yang layak (“Ahli Kad yang Layak”) yang memegang Kad Kredit ONE Card dan/atau YOLO UOB yang dikeluarkan di Malaysia (“Kad”) dengan syarat-syarat berikut:
  - (a) mempunyai akaun dengan UOBM yang sedia ada, masih wujud dan tidak ingkar dalam apa-apa cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh UOBM pada budi bicara tunggal dan mutlaknya; dan
  - (b) tidak melanggar Perjanjian Ahli Kad Visa/MasterCard UOBM (“Perjanjian Ahli Kad”).
2. Pelanggan yang hanya memegang kad korporat atau kad pembelian dan kad label peribadi **tidak layak menyertai** Promosi.
3. Promosi ini juga tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh Grab (“Penganjur”) di <https://www.grab.com/my/>.

#### **Kaedah Promosi**

4. Setiap Ahli Kad yang Layak berhak mendapat pulangan tunai tambahan (“Pulangan Tunai”) yang melebihi manfaat kad kredit semasa seperti yang ditunjukkan dalam Jadual A untuk transaksi yang berjaya dilakukan melalui Grab di bawah MCC 4111 (“Tawaran”). Promosi ini hanya sah untuk sesiapa yang mendaftar dan log masuk daripada Aplikasi Grab dan melakukan transaksi dengan Kad Kredit ONE Card dan/atau YOLO UOB sahaja.

**Jadual A:**

	<b>Kad kredit YOLO</b>	<b>Kad kredit ONE Card</b>
<b>Ganjaran Pulangan Tunai (%) untuk kereta, makanan, penghantaran, prabayar dan langganan Grab</b>	Isnin hingga Jumaat – 5% Sabtu dan Ahad – 10%	Isnin hingga Jumaat – 5% Sabtu dan Ahad – 10%
<b>Jumlah Had Ganjaran Pulangan Tunai setiap Pelanggan</b>	RM20/sebulan	RM20/sebulan
<b>Jumlah Had Ganjaran Pulangan Tunai setiap Bulan</b>	RM15,000	RM65,000

5. Untuk transaksi prabayar Grab, pulangan tunai hanya boleh digunakan untuk transaksi tambahan (*top-up*) pertama Ahli Kad yang Layak yang dilakukan dalam aplikasi Grabpay dan tidak boleh digunakan untuk nilai tambahan berikutnya yang dimuatkan ke dalam Grabpay.
6. Tawaran ini akan bermula dari 1 Mei 2019, jam 00:00 (waktu Malaysia) hingga 31 Januari 2020, jam 23:59 (waktu Malaysia).
7. Promosi ini tertakluk kepada sebarang cukai atau levi yang, pada tarikh Promosi ini atau pada apa-apa tarikh selepas tarikh Promosi ini, diperlukan oleh undang-undang (termasuk Akta Cukai Perkhidmatan 2018) untuk dibayar, kecuali dinyatakan sebaliknya.
8. Perbelanjaan yang Layak yang dilakukan semasa Tempoh Promosi mesti dinyatakan dalam sistem kad kredit yang dikekalkan oleh UOBM supaya layak menyertai Ganjaran Pulangan Tunai.
9. Transaksi yang dilakukan oleh Ahli Kad tambahan akan digabungkan dengan perbelanjaan kad utama dan Pulangan Tunai hanya akan dikreditkan ke akaun kad utama.
10. Penentuan bagi Pulangan Tunai maksimum yang diberikan untuk Perbelanjaan yang Layak yang ditetapkan setiap bulan adalah berdasarkan tarikh apabila caj diproses oleh UOBM dan didebitkan ke akaun kad Ahli Kad dan bukan tarikh transaksi Perbelanjaan yang Layak yang dilakukan oleh Ahli Kad.
11. Ganjaran Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun kad Ahli Kad dalam tempoh lapan (8) minggu selepas akhir setiap Bulan Penyertaan dan akan dinyatakan dalam Penyata Akaun bulanan berikut tarikh Pulangan Tunai tersebut dikreditkan.

**Jadual B**

Bulan Penyertaan	Bulan Pulangan Tunai dikreditkan
1 Mei 2019 – 31 Mei 2019	Julai 2019/Ogos 2019
1 Jun 2019 – 30 Jun 2019	Ogos 2019/September 2019
1 Julai 2019 – 31 Julai 2019	September 2019/Oktoper 2019
1 Ogos 2019 – 31 Ogos 2019	Oktoper 2019/November 2019
1 September 2019 – 30 September 2019	November 2019/Disember 2019
1 Oktoper 2019 – 31 Oktoper 2019	Disember 2019/Januari 2020
1 November 2019 – 30 November 2019	Januari 2020/Februari 2020
1 Disember 2019 – 31 Disember 2019	Mac 2020/April 2020
1 Januari 2020 – 31 Januari 2020	April 2020/Mei 2020

## **Terma dan Syarat Am**

12. Ahli Kad yang Layak bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat ini, terma dan syarat dalam Perjanjian Ahli Kad serta Terma dan Syarat Kad (“T&S Generik”). Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dan T&S Generik yang berhubung dengan Promosi ini, maka terma dan syarat ini akan dikekalkan.
13. Keputusan UOBM dalam semua perkara berhubung dengan Promosi ini dan dalam hal pertikaian adalah muktamad dan akan mengikat Ahli Kad yang Layak. UOBM tidak bertanggungjawab untuk memberi apa-apa sebab atau menyertai sebarang surat-menyurat dengan mana-mana pihak mengenai apa-apa perkara berhubung dengan Promosi ini. Sebarang rayuan dan/atau surat-menyurat daripada mana-mana Ahli Kad yang Layak atau mana-mana pihak ketiga tidak akan dilayan.
14. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, syarikat peniaga, pihak berkuasa pos atau telekomunikasi atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Ahli Kad yang Layak tidak dapat menyertai Promosi ini.
15. UOBM tidak mempunyai perkaitan dengan Penganjur dan tidak melakukan sebarang perwakilan atau jaminan berkenaan dengan kualiti produk atau perkhidmatan mereka untuk apa-apa tujuan.
16. UOBM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah nyata atau salah tafsir fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dibenarkan berhubung dengan Promosi ini yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
17. UOBM tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Ahli Kad yang Layak dan/atau mana-mana pihak ketiga yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada Promosi ini kecuali jika ia disebabkan oleh kecuaian melampau atau salah laku sengaja UOBM yang berkaitan khususnya dengan Promosi ini.
18. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, UOBM dengan jelas mengecualikan dan menafikan sebarang perwakilan, jaminan atau pengendorsan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa had kepada apa-apa yang tercetak dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan tertentu berhubung dengan Promosi ini.
19. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma dan syarat ini dan sebarang pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Promosi ini, terma dan syarat ini akan dikekalkan.
20. UOBM berhak pada budi bicara mutlaknya untuk menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Promosi ini sebelum tamat Tempoh Promosi, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu.
21. UOBM berhak untuk menambah, mengeluarkan, menggantung dan/atau mengubah terma dan syarat ini, dari semasa ke semasa, secara keseluruhan atau sebahagian, pada budi bicara mutlaknya, dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalender terlebih dahulu kepada Ahli Kad yang Layak melalui paparan pada laman web UOBM, penampilan notis di mana-mana

cawangan UOBM, kenyataan yang dimasukkan ke dalam Penyata Akaun dan/atau apa-apa cara lain yang mungkin ditentukan oleh UOBM dari semasa ke semasa.

22. Terma dan syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad yang Layak bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.